



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Promoting Seamless Cross Border Education



Our People, Our Community, Our Vision
Malaysia 2015

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(Chief Executive Officer)

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

(Malaysian Qualifications Agency)

Tingkat 14 B, Menara PKNS-PJ

No. 17, Jalan Yong Shook Lin

46050 Petaling Jaya

SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 603-7968 7002

Faks: 603-7956 9496

Laman web: www.inqa.gov.my

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 (13)

Tarikh : 11 September 2015

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 4/2015

**PERINCIAN KELAYAKAN MASUK UNTUK LEPASAN SMU3/SMA/SMK/
MADRASAH ALIYAH, INDONESIA YANG MENDUDUKI UJIAN NASIONAL
MULAI TAHUN 2015**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, sistem pemarkahan bagi Ujian Nasional (UN) di Indonesia pada asalnya mengguna pakai skala nilai 1 hingga 10. Walau bagaimanapun, sistem pemarkahan tersebut telah berubah kepada skala peratusan (1 hingga 100) mulai tahun 2015.

3. Berikutan perubahan tersebut, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah membuat keputusan berkenaan syarat kelayakan minimum bagi pelajar Indonesia yang menduduki UN mulai tahun 2015, seperti berikut:

- i. Pemegang Ijazah Sekolah Menengah Umum (SMU) 3 / Ijazah Sekolah Menengah Atas (SMA) / Ijazah Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) / Ijazah Madrasah Aliyah bagi tahun 2015 dan ke atas yang mencapai **gred purata 55 – 65** layak memasuki **program asas (foundation) atau Diploma (tahap 4, MQF)**; dan

- ii. Pemegang Ijazah Sekolah Menengah Umum (SMU) 3 / Ijazah Sekolah Menengah Atas (SMA) / Ijazah Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) / Ijazah Madrasah Aliyah bagi tahun 2015 dan ke atas yang mencapai **gred purata 66 – 100** layak memasuki **program Ijazah Sarjana Muda (tahap 6, MQF)**.
4. Bersama-sama ini juga disertakan **Lampiran A** berkenaan panduan bagi pengiraan rata-rata nilai akhir (gred purata) di atas. **Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)** diberi kebebasan dalam memilih mana-mana kaedah pengiraan tersebut.
5. Manakala bagi pelajar Indonesia yang menduduki UN pada tahun 2014 dan sebelumnya, syarat kelayakan minimumnya adalah kekal seperti mana perincian yang dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Bil.5/2014 bertarikh 22 Disember 2014.
6. PPT boleh merujuk syarat ini pada lampiran 'Senarai Kelayakan Masuk bagi Pelajar Antarabangsa' dalam portal rasmi MQA di alamat www.mqa.gov.my/portalMQA/default/bm/nilai_taraf.cfm.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-7956 9162

No. Faks : 03-7954 7125

E-mel : mrujhan@mqa.gov.my

PANDUAN PENGIRAAN RATA-RATA NILAI AKHIR (GRED PURATA) BAGI LULUSAN KELAYAKAN SMA/SMU3/SMK DAN MADRASAH ALIYAH, INDONESIA MULAI TAHUN 2015 BAGI TUJUAN KEMASUKAN KE PERINGKAT PENGAJIAN DI MALAYSIA

1. Mengguna pakai formula pengiraan bagi lulusan SMA tahun 2014 dan sebelumnya

Formula ini mengambilkira mata pelajaran yang diuji dalam Ujian Nasional sahaja (cth: Bahasa Indonesia, Bahasa Inggris, Matematika, Fisika, Kimia, Biologi, Ekonomi, Sosiologi & Geografi).

Nilai Akhir bagi Satu Subjek = 40% Nilai Sekolah + 60% Nilai Ujian Nasional

Rata-rata Nilai Akhir = Jumlah Nilai Akhir ÷ Jumlah Subjek

2. Formula yang mengambil pemberat seimbang bagi nilai ujian sekolah dan nilai ujian nasional

Formula ini mengambilkira kesemua mata pelajaran yang diambil oleh pelajar.

Rata-rata Nilai Akhir = (Rata-rata Nilai Sekolah + Rata-rata Nilai Ujian Nasional) ÷ 2

Catatan :

Nilai sekolah pelajar tercatat pada Daftar Nilai yang dikeluarkan oleh pihak sekolah, manakala nilai Ujian Nasional tercatat pada Sertifikat Hasil Ujian Nasional (SHUN).